

Organisasi Maruthuvar Pulau Pinang dan Gerakan
Anti-Kastanya Dari Tahun 1926 - 1970

Oleh

Balasandran A. Ramiah

No Matrik : 12333

Kursus : Kemonusiaan & Pendidikan

Kajian Penyelidikan Untuk Memenuhi Keperluan

Kursus HSM 411/8 :

Dokumen-dokumen Dalam Sejarah Malaysia

Sidang Akademik 1987/88

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1988



KANDUNGAN

Penghargaan	iii - iv
Pendahuluan	v - ix
Bahagian I : Amalan Kasta dan Gerakan Pembaharuan di India & Pulau Pinang 1919 - 1926	1 - 10
Bahagian II : Gerakan Anti Kasta 1926 - 1945	11 - 31
Bahagian III: Pengaruhnya Yang Lebih Luas 1946 - 1970	32 - 45
Kesimpulan	45 - 47
Lampiran	48 - 63
Bibliografi	63 - 128

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah melapangkan masa untuk ditemubual serta memberikan bahan dan maklumat yang penting bagi kajian ini.

BALASANDRAN A. RAMIAH

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN DGN. PENDIDIKAN,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,
PULAU PINANG.

1988.

PENDAHULUAN

Organisasi Maruthuvar Pulau Pinang merupakan salah satu organisasi yang tertua di Pulau Pinang yang telah ditubuhkan pada tahun 1926 untuk menentang amalan kasta⁽¹⁾ di sini. Di Malaysia, ia merupakan salah satu organisasi yang pertama sekali ditubuhkan dengan menggunakan nama kasta.

Sistem kasta adalah merupakan satu sistem sosial yang terdapat di kalangan masyarakat India. Terdapat empat peringkat kasta (varna) iaitu Brahmin, Kshatriya, Vaisya dan Sudra.⁽²⁾ Di India Selatan dan juga Malaysia sistem ini bercorak tiga peringkat sahaja iaitu Brahmin, bukan Brahmin dan Adi Dravidiar (Golongan yang tidak boleh disentuh yang terdiri dari kasta Paraiyar, Pallar dan Chakkiliyar).

Golongan Brahmin memegang status yang tinggi sebagai sami-sami di kuil dan menjalankan segala urusan keagamaan. Golongan bukan Brahmin pula terdiri dari mereka yang menjalankan pekerjaan seperti pertanian, penternakan dan perniagaan. Di dalam golongan ini terdapat beberapa golongan kasta yang mengendalikan pekerjaan-pekerjaan perkhidmatan seperti mengunting rambut (kasta Ambattar)⁽³⁾ dan mencuci kain (vanar). Mereka yang berasal dari kasta-kasta ini memegang status yang rendah di kalangan golongan Brahmin dan golongan bukan Brahmin itu sendiri.

Walaupun pengunting rambut tergolong dalam golongan bukan Brahmin tetapi masyarakat Tamil selalu memandang rendah terhadap kasta ini dan mereka dilayan seperti golongan Adi Dravidiar (Golongan yang menjalankan pekerjaan mengebumikan atau membakar mayat, "manual labourers" dan sebagainya. Menurut Robert L. Hardgrave, "The traditional occupation of each caste is marked by degrees of purity and pollution. Occupations such as leather working, barbering and toddy-tapping are considered to be defiling and as such low in rank." (4)

Di Pulau Pinang, pengunting rambut (Ambattar) atau pun dikenali sebagai 'Maruthuvar' merupakan golongan masyarakat Tamil yang pertama sekali memulakan anti-kasta. Walaupun ada sebutan oleh beberapa orang penulis seperti, Ampalavanar, R., dalam "Class Caste and Ethnicism Among Urban Indians In Malaya, 1920 - 1941" Nusantara, Bil.2, Julai 1972 dan Rajakrishnan Ramasamy, dalam Caste Consciousness Among Indian Tamils In Malaysia, 1984, mengenai Organisasi Maruthuvar tetapi kita tidak memperolehi satu gambaran yang lengkap mengenai aktiviti-aktivitinya dalam gerakan anti-kasta. Menurut Encik Samarasam, seorang pensyarah dari Jepun pernah mengatakan niatnya untuk membuat kajian mengenai Organisasi Maruthuvar Pulau Pinang tetapi kerana beberapa masalah maka rancangan ini tidak berjaya. (5) Saya berharap dengan kajian ini saya dapat sedikit sebanyak mengisi kekosongan dalam penulisan sejarah

tempatan orang-orang India.

Untuk membuat kajian ini saya telah banyak memperolehi maklumat melalui temubual. Untuk mengukuhkan lagi kajian ini saya cuba menyokong hasil temubual ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti notis-notis, minit-minit mesyuarat, buku-buku perundangan, suratkhabar Tamil Nesan dan Tamil Murasu serta buku-buku sebagai sumber kedua.

Dalam kajian ini pergerakkan Maruthuvar dibahagikan kepada tiga tahap. Di dalam tahap pertama, saya telah membincangkan mengenai amalan kasta di Pulau Pinang dan gerakan pembaharuan di Pulau Pinang dan di India Selatan di antara tahun 1919 - 1926. Di dalam tahap kedua, saya menyentuh mengenai peranan Organisasi Maruthuvar dalam gerakan anti-kasta di antara tahun 1926 - 1945. Di bahagian yang terakhir dibincangkan pengaruh organisasi yang bertambah luas di antara tahun 1946 - 1970.

NOTAKAKI

1. Kasta (caste) ^{kāst} any of the hereditary social classes of the Hindus, among whom a person into a certain caste cannot rise above it.

(Sumber : The Holt Basic Dictionary of American English, New York, United States of America, 1966. m.s. 138.)

Tambahan lagi ia merupakan satu perkataan yang berasal dari bahasa Portugis. Di dalam bahasa Tamil, kasta dipanggil sebagai 'jati' atau 'kula'. Di dalam bahasa Sanskrit, kasta dipanggil sebagai varna (warna).

2. Untuk maklumat lanjut sila rujuk buku berikut, Hutton, J.H., Caste In India, its nature, functions and origins, 3rd. edition, Oxford University Press, London, 1961.

3. Ambattar merujuk kepada kasta pengunting rambut. Peristilahan seperti nārithar, pariyāri, kannadikārar dan mudithiruthuvor merupakan sebutan nama yang biasa digunakan oleh orang Tamil. Pengunting rambut tidak suka menggunakan sebutan-sebutan di atas malah mereka lebih gemar memanggil diri mereka sebagai maruthuvar (pengubat tradisional). Mereka juga mempunyai kebolehan mengurut, mahir dalam mengubati penyakit kulit dan boleh memberi ubat-ubatan bagi mencegah rambut dari menjadi botak. Oleh itu, organisasi kasta ini menggunakan nama 'Maruthuvar'.

(Sumber: Rajakrishnan Ramasamy, Caste Consciousness Among Indian Tamils In Malaysia, Pelanduk Publication, Kuala Lumpur, 1984. m.s. 95.)

4. Robert L.Hardgrave, JR., The Nadars of Tamilnad, The Political Culture of a Community In Change, Oxford University Press, Bombay, 1969. m.s. 3 & 4.
5. Temubual di tempat kediamannya di 27, Green Hall, Pulau Pinang pada 26-11-1987.